

## Bab 4

### *The Star Online - Rekabentuk Laman Web*

#### **4.1 Teori Rekabentuk Klasik**

Teori perekaan ini dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian utama. Yang pertama ialah teori perekaan klasik. Dalam teori perekaan klasik terdapat tiga konsep perekaan yang utama iaitu:

1. Elemen Perekaan
2. Prinsip Rekabentuk
3. Prinsip Antara Muka Pengguna (*Human Computer Interface*)

##### **4.1.1 Elemen Perekaan**

Elemen Perekaan membincangkan beberapa teori asas perekaan. Ia menerangkan tentang penggunaan garisan, bentuk asas, tekstur, warna dan ruang. Kesemua ini merupakan elemen-elemen asas perekaan. Perkara ini terdapat dalam semua rekabentuk, sama ada media dalam talian atau media cetak. Garisan dapat digunakan untuk menghasilkan bentuk, garisan luar sesebuah gambar dan sebagainya. Cara sesebuah garisan itu dibentuk, sama ada garisan lurus atau yang melengkung, memberikan implikasi yang berbeza pada sesebuah imej yang dihasilkan.

Penggunaan elemen-elemen perekaan terdapat dalam semua laman web. *The Star Online* juga menggunakan garisan terutamanya untuk membahagikan berita utama dan untuk tujuan membahagikan halaman kepada beberapa kolumn.

#### 4.1.2 Prinsip Rekabentuk

Prinsip perekaan klasik membincangkan unsur-unsur perekaan seperti pergerakan, keseimbangan, keutamaan dan kesatuan. Seseorang pereka tidak dapat melarikan diri daripada penggunaan prinsip-prinsip ini dalam proses penerbitan. Dalam hal ini, perekaan sesebuah laman web juga menggunakan prinsip-prinsip perekaan ini untuk menghasilkan rekabentuk laman web yang dapat menarik minat pembaca.

Prinsip pergerakan misalnya digunakan untuk menerangkan pergerakan bentuk badan atau sebuah imej yang memberikan kesan pergerakan arah mata pembaca. Elemen ini digunakan dalam gambar visual yang diterbitkan dalam laman web *The Star Online*. Setiap gambar atau imej yang diterbitkan mempunyai elemen yang harus memberikan kesan kepada reaksi atau perasaan pembaca. Sebagai contoh ialah imej di bawah.



Gambar ini memberikan imej pergerakan badan burung *Flamingo*. Dalam menghasilkan sesebuah imej terutamanya imej fotografi, prinsip pergerakan ini banyak digunakan. Susunan burung ini turut menggerakkan mata pembaca dari burung *Flamingo* yang berada pada bahagian kiri gambar ke arah burung *Flamingo* di kanan imej. Ia diambil dari arah tepi seolah-olah dari tinggi kepada yang rendah.

Keseimbangan wujud apabila objek-objek rekabentuk disusun dengan sama dan sepadan, dan dalam halaman ia kelihatan pada kedudukan atas dan bawah, kiri dan kanan atau sebagainya. Terdapat dua jenis keseimbangan iaitu:

A. Keseimbangan formal

Keseimbangan formal akan memberikan keberatan optikal yang sama.

B. Keseimbangan tidak formal

Berkait dengan peletakan unsur-unsur yang berbeza ukuran bentuk, warna atau kegelapan pada jarak yang tidak sama daripada pusat optikal. ( Mohd. Sidin Ahmad Ishak dan Noorbathi Haji Badaruddin. 1998)

Dalam perekaan akhbar dalam talian *The Star Online*, teks dan imej diletakkan secara tidak seimbang. Jika dilihat pada muka hadapan akhbar ini, jumlah penggunaan teks adalah lebih banyak daripada imej yang diletakkan pada halaman ini. Selain daripada itu, penggunaan imej hanya tertumpu pada beberapa bahagian yang ditetapkan. Pada bahagian atas muka depan, logo serta iklan merentangi dari arah kiri ke kanan. Diikuti pula oleh iklan “Canon” dalam bentuk yang sama, iaitu *banner*.

Selain daripada itu, imej juga digunakan pada berita utama dan bahagian *spotlight*. Imej yang saiznya lebih kecil juga digunakan untuk tujuan periklanan di bahagian kiri dan kanan muka depan dan reka letak ini adalah sama pada muka berita lain. Kebanyakan bahagian atau ruang muka depan ini mempunyai teks, iaitu tajuk berita-berita utama dalam akhbar ini.

Prinsip keutamaan sangat penting dalam bidang perekaan. Seperti juga media cetak, prinsip ini juga banyak diaplikasikan dalam penerbitan laman web. Dalam dunia penerbitan berkomputer ini, terdapat pelbagai cara untuk memberikan kesan keutamaan. Misalnya saiz teks yang lebih besar, teks yang lebih gelap, teks yang mempunyai warna, saiz imej dan sebagainya.

Seperti juga penerbitan akhbar cetak, prinsip ini sangat penting dalam penerbitan akhbar dalam talian kerana ia membezakan berita utama dan berita sampingan. Selain daripada itu, beberapa kesan visual dalam komputer juga dapat menunjukkan kesan ini. Dalam muka depan laman web *The Star Online*, tajuk berita utama, saiz teks ialah 13.5 poin dan digelapkan atau *bold*. Teks beritanya pula menggunakan saiz 12 poin. Selain daripada itu, kategori-kategori utama mempunyai saiz teks berwarna biru gelap berbanding sub-kategori.

Selain daripada itu, prinsip keutamaan dalam komputer juga dapat diterangkan melalui animasi imej grafik. Dalam *The Star Online*, kesan animasi terdapat pada sesetengah iklan. Iklan Canon mempunyai animasi dan para pembaca sudah tentu akan melihat iklan ini kerana ia mempunyai pergerakan berbanding iklan yang tidak mempunyai animasi atau yang berbentuk statik.

Prinsip kesatuan membincangkan kesatuan dari segi objek-objek yang terdapat pada sesebuah halaman. Dalam laman web misalnya, prinsip kesatuan dapat dilihat dari segi penggunaan warna serta cara penyusunan sesebuah halaman. Teks disusun mengikut garisan dan kesemua teks yang memberikan sambungan ke muka surat lain mempunyai garisan berwarna biru. Walaupun dalam hal ini, prinsip kesatuan digunakan secara longgar, namun tanpa kesatuan ini, sukar untuk menarik minat pembaca kerana tidak wujud satu keseimbangan. Dalam dunia perekaan laman web ini, keseimbangan dari segi konsistensi adalah sangat penting. Maka unsur kesatuan, iaitu penggunaan saiz teks, warna, saiz imej dan sebagainya akan membentuk satu kesatuan dalam sesebuah laman web.

#### **4.1.3 Prinsip Antara Muka Pengguna**

Dalam membincangkan media teknologi baru seperti penggunaan Internet sebagai media komunikasi, satu lagi prinsip baru yang dapat membantu dalam kajian ini ialah prinsip Antara Muka Pengguna. Dalam dunia perkomputeran terdapat beberapa objek yang dianggap sangat penting dan sering digunakan oleh pengguna untuk berinteraksi dengan komputer. Misalnya, sebuah tetikus, skrin sentuhan, perisian yang dilengkapi dengan imej atau arca dan juga menu tarik turun. Kesemua ini adalah teknologi penting yang memberikan pengguna kemudahan untuk berinteraksi dengan komputer.

Windows 95 misalnya merupakan perisian sistem operasi komputer yang kedua selepas sistem operasi komputer *Macintosh* menggunakan grafik atau imej untuk berinteraksi dengan pengguna. Walaupun sebelum Windows 95 terdapat perisian windows versi lama seperti Windows 3.0 dan 3.1, Windows 95 dianggap sebagai sistem operasi pertama selepas pengenalan Internet kepada masyarakat dunia yang menggunakan antara muka pengguna dalam melayari Internet. Sistem ini memudahkan lagi interaksi pengguna dengan komputer, terutamanya pengguna yang ingin melayari Internet. Dalam kajian mengenai Antara Muka Pengguna, perkara penting yang sering dibincangkan ialah cara menghasilkan perekaan atau grafik komputer yang mudah difahami oleh pengguna dan secara tidak langsung memudahkan lagi operasi pengguna dengan komputer.

Shneiderman (1998) telah mengemukakan prinsip perekaan interaksi komputer pengguna. Perkara ini dibincangkan dalam tulisan beliau yang bertajuk *Designing the user interface: Strategies for effective human computer interaction*. Salah satu daripada komen beliau ialah seseorang pereka harus mengambil kira dua jenis pengguna komputer iaitu yang meminati arca atau imej dan yang meminati menu.

Beliau menggariskan lapan peraturan yang dapat membantu dalam menghasilkan sebuah Antara Muka Pengguna yang efektif. Antaranya ialah:

1. Konsisten
2. Kemudahan *shortcut*
3. Memberikan maklum balas pada reaksi pengguna
4. Adanya dialog dengan pengguna
5. Bantuan untuk mengatasi kesilapan pengguna
6. Kemudahan untuk membaiki kesilapan dengan *undo*
7. Membantu kawalan fokus dalaman
8. Mengurangkan muatan ingatan sementara

Kesemua prinsip yang dilakarkan oleh Shneiderman ini digunakan untuk menghasilkan Antara Muka Pengguna yang lebih efektif. Teknologi komputer yang semakin berkembang memberikan kemudahan yang lebih kepada pengguna. Secara tidak langsung ingin mengurangkan kerja-kerja masukkkan data melalui papan kunci.

Seorang lagi pengkaji yang telah banyak berjasa pada dunia penerbitan elektronik ialah Norman (1988). Beliau merupakan seorang ahli psikologi yang telah mengambil maklumat dari bidang penghasilan rekabentuk produk dan menggunakan konsep itu dalam menghasilkan antara muka pengguna. Menurut Norman, rekabentuk seharusnya menggunakan pengetahuan dunia dan juga pengetahuan di minda. “*it is easy to determine what actions are possible at any moment (make use of constraints)*” kata beliau.

## 4.2 Rekabentuk Laman Web

Setelah membincangkan teori-teori asas serta prinsip rekabentuk, saya akan membincangkan beberapa prinsip rekabentuk yang memberikan fokus pada rekabentuk laman web. Kajian bagi rekabentuk ini dapat dibahagikan kepada 4 bahagian utama iaitu:

1. Prinsip rekabentuk laman web
2. Kajian rekabentuk skrin
3. Peleraian dan saiz skrin
4. Gaya penulisan

Dalam bahagian ini, saya akan membincangkan kesemua elemen-elemen rekabentuk penting dalam menghasilkan sesebuah laman web dan mengambil akhbar dalam talian *The Star Online* sebagai contoh dan sejauh mana laman web tempatan ini menggunakan prinsip-prinsip perekaan yang digariskan oleh para ahli teori dan pengkaji bidang perkomputeran ini.

### 4.2.1 Prinsip-prinsip rekabentuk laman web

Rekabentuk sesebuah hadaman web bergantung pada beberapa prinsip seperti:

- Mudah / *simplicity*
- Konsistensi
- Kejelasan
- Keseimbangan
- Harmoni dan Kesatuan

#### Mudah

Dalam bidang penerbitan, salah satu daripada perkara yang penting ialah cara bagaimana kita dapat menarik minat pembaca. Terdapat sesetengah pereka yang terlalu ghairah dalam aspek rekabentuk sehingga melupakan prinsip-prinsip asas ini. Dengan cara ini, hasil rekabentuk mungkin tidak dapat menarik perhatian orang ramai, sebaliknya menimbulkan persoalan-persoalan negatif. Sesebuah rekabentuk seharusnya mudah. Schwier dan Misanchuk (1993) dalam buku mereka yang bertajuk *Interactive Multimedia*

*Instruction* telah menyatakan bahawa sesebuah hasil rekabentuk haruslah menggunakan jumlah teks dan imej grafik yang berpatutan berdasarkan maklumat yang ingin disampaikan.

Selain daripada itu, dalam prinsip ini juga diterangkan bahawa jika sesebuah laman web menggunakan terlalu banyak imej grafik, ia akan mengaburi perhatian pembaca. Elemen grafik yang keterlaluan akan mengelirukan pembaca. Kebanyakan halaman laman web mengandungi teks, tajuk utama yang mungkin dalam bentuk grafik, imej sebagai menu atau butang. Warna digunakan bagi ruangan yang sesuai untuk tujuan perbandingan.

Laman web *The Star Online* dalam konteks ini mempunyai gaya muka depan laman web yang mudah. Struktur serta gaya laman web ini sangat mudah untuk difahami oleh pembaca kerana maklumat yang disampaikan senang dijumpai dan sangat jelas. Ini menunjukkan bahawa *The Star Online* merupakan sebuah laman web yang mudah.

### Konsistensi

Prinsip ini sangat penting dalam rekabentuk dan rekaletak sesebuah laman web. Sekiranya sesebuah laman web itu tidak konsisten, pembaca akan membuang masa mencari maklumat yang diperlukan untuk melayari laman web berkenaan. Ini akan berlaku terutamanya jika terdapat susunan butang sambungan pada bahagian-bahagian yang berbeza dalam laman web. Schwier dan Misanchuk (1993) telah mengatakan bahawa seseorang pereka harus sentiasa konsisten dalam aspek gaya persembahan contohnya bahasa yang digunakan haruslah sama, susunan objek dalam halaman, warna latarbelakang atau elemen-elemen halaman, cara interaksi pengguna dengan laman web dan juga gaya susunan grafik yang digunakan.

Laman *The Star Online* adalah konsisten dalam segala aspek reka bentuknya. Latarbelakang putih, warna teks yang mempunyai sambungan sebagai warna biru, struktur halaman yang mempunyai 3 ruangan dan pelbagai aspek lagi. Ini menunjukkan bahawa *The Star Online* mengikuti prinsip ini dengan teliti kerana ia memberikan kesan kepada pembaca. Dengan menggunakan prinsip ini, seseorang pembaca sentiasa dapat mencari jalan atau melayari laman web ini pada bila-bila masa. Sekiranya sesebuah

laman web bercorak tidak konsisten, pengguna akan mengalami kesukaran untuk mencari maklumat yang dikehendaki pada masa-masa yang akan datang.

### Kejelasan

Prinsip seterusnya ialah prinsip kejelasan. Prinsip ini menerangkan cara untuk menyampaikan maklumat yang mudah difahami oleh pembaca. Beberapa kriteria untuk menghasilkan sebuah laman web yang jelas ialah:

- Bahasa yang digunakan harus difahami oleh khalayak sasaran
- Jangan menggunakan jargon atau perkataan yang mungkin tidak difahami oleh pembaca
- Ayat pendek
- Gunakan teknik penulisan secara poin atau menggunakan *bullet*
- Menggunakan struktur ayat aktif

Dua lagi prinsip yang dibincangkan dalam bahagian ini ialah prinsip keseimbangan dan kesatuan. Kedua-dua prinsip ini telah pun dibincangkan dalam bahagian teori rekabentuk klasik. Aplikasi teori ini adalah sama dalam penerbitan bahan dalam talian. Pada masa yang sama kita telah pun melihat bagaimana prinsip ini diaplikasikan oleh laman *The Star Online*.

#### 4.2.2 Kajian Rekabentuk Skrin

Dalam bahagian ini, saya akan membincangkan beberapa konsep penting dalam menghasilkan rekabentuk skrin yang baik. Rekabentuk skrin yang baik dapat memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- Fokus haruslah diberikan pada maklumat yang penting.
- Dapat menarik minat pembaca.
- Membantu pembaca mencari dan menyusun maklumat dengan cara yang paling mudah.

- Pembaca seharusnya dapat mengaitkan maklumat teknologi baru dengan idea yang sedia ada.

Antara beberapa aspek penting dalam kajian rekabentuk skrin ialah:

1. Grid skrin dan rekaletak
2. Panjang garisan
3. Density skrin
4. Pemilihan huruf taip dan muka taip
5. Arca, butang dan menu
6. Warna

### 1. Grid skrin dan rekaletak

Prinsip grid skrin dan reka letak boleh digunakan untuk menghasilkan sebuah laman web yang konsisten. Dalam konteks ini, grid boleh digunakan untuk mengidentifikasi kawasan ruangan halaman yang digunakan untuk tujuan tertentu sebagai contoh untuk tujuan navigasi. Dengan menggunakan kod HTML, adalah tidak mudah untuk menghasilkan reka letak yang mudah seperti yang dapat dilakukan dalam media cetak tradisional. Untuk tujuan ini, dalam reka letak laman web jadual digunakan untuk menyusun elemen-elemen pada satu halaman.

Dalam *The Star Online* misalnya, jadual digunakan untuk menyusun elemen-elemen pada setiap halaman. Ini dapat diketahui dengan melihat pada kod HTML laman web ini.

```
<table border=0 width=760 marginwidth=0 marginheight=0 topmargin=top  
leftmargin=0>  
  <tr>  
    <td width=210  
      colspan=2><imgsrc="/common/images/thestar_188x60.gif" width="188"  
      height="60" alt="thestar.com.my" border="0" align="middle">  
    <p></td>
```

#### Contoh kod yang diambil dari laman web *The Star Online*

Jika dilihat pada contoh kod di atas, penggunaan tag `<td>` menunjukkan bahawa reka letak elemen-elemen teks dan grafik dalam halaman ini disusun dengan menggunakan

jadual. Garis pertama yang mengatakan *table border=0* menunjukkan bahawa jadual yang digunakan tidak mempunyai garisan tepi. Teknik ini digunakan supaya pembaca tidak dapat melihat garisan-garisan yang mungkin akan menimbulkan perasaan bahawa laman web ini tidak kemas.

## 2. Panjang garisan

Menurut Schwier dan Misaanchuk (1993), kajian ke atas panjang garisan bergantung pada peleraian skrin computer. Namun, secara umumnya, dalam satu garisan kita boleh menghasilkan 35 – 75 patah. Contohnya:

35 patah:


12345678901234567890123456789012345

75 patah:

123456789012345678901234567890123456789012345678901234567890123456789012345

Dalam kajian CRT, terdapat dua tanggapan yang berbeza. Satu kajian menyatakan bahawa penggunaan garisan yang lebih panjang adalah lebih baik. Pada hari ini, pembaca dapat memilih jumlah perkataan yang ingin dibaca pada satu garisan teks dan ini sangat bergantung pada perisian yang digunakan.

Rajah 4.1: Laman web *The Star Online* menunjukkan pilihan saiz huruf bagi pengguna



Specifies the relative size of text displayed in pages.

Sumber: Laman Web *The Star Online* (<http://www.thestar.com.my>)

Dalam contoh di atas pengguna dapat menukar saiz keseluruhan teks. Terdapat lima pilihan iaitu *largest*, *Larger*, *Medium*, *Smaller*, *Smallest*.

### 3. Ketumpatan skrin

Kajian mengenai jumlah teks yang seharusnya terdapat pada satu skrin komputer, pertama kalinya dilakukan pada tahun 1990. Ini bermaksud, pengkaji menggunakan komputer *monochrome* yang menggunakan skrin 40 ruang. Ramai pakar komputer mencadangkan penggunaan teks yang minima dengan banyak ruang putih dan ruang antara ayat ialah dua.

Ruang putih juga dikenali sebagai ruangan negatif. Ruang putih ialah ruang kosong yang terdapat antara elemen-elemen perekaan. Ia mungkin antara teks, perkataan atau perenggan, ruangan dalam sesebuah grafik dan ruangan antara kesemua elemen-elemen

perekaan dalam sesebuah muka surat. Penggunaan ruang putih ialah suatu yang amat penting dalam bidang perekaan, namun ramai yang mengabaikan prinsip ini. Sebuah rekabentuk yang dianggap *visually appealing* juga ialah rekabentuk yang sedap dipandang mata. Jika tidak ada ruang putih yang cukup, teks mungkin tidak dapat dibaca, grafik akan kehilangan keutamaan dan kemungkinan ia akan menyebabkan ketidakseimbangan pada sesuatu muka surat itu. Ruangan putih juga penting kerana ia dikatakan memberikan suatu tempat untuk mata berehat.

Monitor komputer mempunyai tahap radiasi dan juga keadaan monitor yang tidak baik dan kesan berkelip-kelip juga mungkin mengganggu mata pengguna. Maka ruang putih memberikan mata kita ruang untuk rehat dan memahami informasi yang dibaca. Kebanyakan laman web profesional menggunakan latar belakang berwarna putih dan ini memberikan satu pemandangan yang tenang dan pengguna dapat melalui laman web itu dengan sempurna.

Laman web *The Star Online* menggunakan ruang putih yang banyak. Latarbelakang laman web ini adalah putih dan teks yang berwarna hitam pula sangat jelas. Dengan cara ini pengguna tidak menghadapi masalah dalam mengenalpasti elemen-elemen yang terdapat pada laman web ini. Susunan imej serta teks yang baik memberikan pembaca ruang yang secukupnya untuk merehatkan mata. Ini adalah satu elemen yang sangat penting bagi penerbitan dalam talian kerana jumlah teks yang banyak dan pelbagai informasi diberikan kepada pembaca. Sebagai sebuah akhbar dalam talian sudah tentu *The Star Online* harus memberikan perhatian dalam aspek ini. Bukan setakat *The Star Online*, malah kebanyakan akhbar dalam talian seperti *Utusan Melayu*, *The New Straits Times* dan sebagainya yang menggunakan latarbelakang putih.

#### **4. Pemilihan huruf taip dan muka taip**

Walaupun kedua-dua istilah ini digunakan untuk tujuan yang sama, namun ia mempunyai takrifan yang berbeza. Taip huruf atau *font* ialah satu set abjad yang mempunyai saiz dan gaya taip huruf. Ini termasuk kesemua set perkataan, set nombor dan simbol-simbol istimewa. Mukataip pula ialah satu kumpulan taip huruf. Sebagai contoh ialah Times Bold, Times Italic dan Times Roman ialah 3 taip huruf.

Terdapat 3 kategori utama muka taip:

Serif, huruf yang mempunyai ekor di belakangnya. Antara huruf berbentuk serif ialah Times Roman, Garamond, dan Palatino.

Ini contoh Times 16 pt

Ini contoh Garamond 16 pt

San serif, huruf yang tidak mempunyai ekor di belakangnya. Antaranya ialah Helvetica, Arial dan Avant Garde.

Ini contoh mukataip Arial 16 pt

#### *Decorative*

Jenis taip huruf ini ialah yang tidak termasuk dalam kedua-dua jenis di atas.

*Ini contoh mukataip Monotype Corsiva 16 pt*

Setiap muka taip mempunyai variasi yang berbeza dalam kumpulan mereka. Pada kebiasaannya terdapat 3 variasi utama dalam kesemua jenis muka taip iaitu:

- Biasa
- Huruf Condong
- *Bold* atau huruf tebal.

Selain daripada ketiga-tiga variasi ini terdapat variasi lain seperti *condensed*, *expanded*, *light*, *demi*, *demi bold*, *black*, *heavy* dan *ultra*.

Ketinggian muka taip diukur dengan istilah *poin*. Dengan menggunakan sistem *Adobe Type Manager*, pengguna boleh menaip poin yang dikehendaki dan huruf poin tersebut dapat dilihat dengan jelas dan boleh dicetak dengan terang.

Setelah melihat beberapa istilah serta konsep yang jelas mengenai taip huruf dan muka taip, saya akan membincangkan penggunaan konsep serta prinsip-prinsip ini dalam perekaan laman web. Dalam perekaan sesbuah laman web, pemilihan muka taip yang sesuai ialah penting kerana ia memberi kesan pada keboleh bacaan. Dalam pemilihan muka taip, penggunaan muka taip dalam laman web berbeza daripada penggunaan muka taip dalam media penerbitan cetak.

Sebagai contoh, jika pereka laman web ingin menggunakan muka taip Avant Garde, pengguna mestilah mempunyai jenis muka taip yang sama dalam komputer mereka. Jika tidak, sistem operasi komputer akan membuat pemilihan muka taip sendiri dengan memilih jenis muka taip yang seakan dengan Avant Garde. Ini akan menyebabkan apa yang dilihat oleh pengguna mungkin berbeza daripada yang dikehendaki oleh pereka itu sendiri.

Jika pereka menggunakan taip huruf dalam bentuk imej grafik, pengguna juga akan dapat melihat font yang sama seperti yang dikehendaki oleh pereka. Oleh sebab itu, pereka laman web selalunya menggunakan jenis muka taip yang terdapat pada kebanyakan komputer. Antara muka taip yang popular dalam kesemua jenis komputer ialah muka taip Times Roman, Arial, Helvetica, Verdana dan Garamond.

Dalam akhbar *The Star Online* muka taip yang digunakan ialah Times New Roman. Namun, dalam kod html akhbar *The Star Online*, didapati laman web ini menggunakan 4 jenis muka taip.

Kod html dalam laman web *The Star Online*

```
<font face="Arial, Geneva, MS Sans Serif, Helvetica" size="-1" color="#FFFFFF"><b>  
(sumber: http://www.thestar.com.my)
```

## 5. Arca, butang dan menu

Dalam bidang multimedia dan perekaan laman web, perhatian juga diberikan pada aspek antara muka navigasi. Ini bermaksud pereka akan membuat keputusan cara pengguna melayari laman web. Dalam hal ini, untuk tujuan navigasi pereka menggunakan arca, butang atau menu untuk memudahkan proses pelayaran pengguna dalam laman web.

- Peraturan menggunakan butang, petak dan menu.

Dalam menghasilkan elemen-elemen ini, kod html mempunyai satu set butang serta menu yang telahpun ditetapkan. Dalam laman web *The Star Online* beberapa jenis butang yang digunakan ialah:

Rajah 4.2: Contoh beberapa jenis butang yang digunakan dalam laman web *The Star Online*

The screenshot shows the homepage of *The Star Online*. At the top, there's a navigation bar with links for News, Business, Sports, Entertainment, Lifestyle, Technology, Education, Last 7 Days, Site Map, and What's Hot. Below the navigation bar, there's a search bar with dropdown menus for News, Sports, and Business. To the right of the search bar are buttons for Mobile Edition, AllMalaysia.info, Cyberkursus, and Cyberjaya. A large banner for 'Your Trade Platform to Explore Hong Kong & China Market' is displayed. Below the banner, there's a 'Book your Classifieds' button. The main content area features a large photo of a man in a military uniform with the caption 'Police crackdown on vice'. Below the photo, there's a 'Top Stories' section with a link to 'Latest [Updated : MYT 4:27 am]'. On the left side, there's a sidebar titled 'Interests' with a list of checkboxes for various categories like Books & Literature, Business & Finance, Collectibles, Electronics, Education, Entertainment - Movies, Entertainment - Music, and Entertainment - TV & Radio. On the right side, there's a 'Highlights' section with a link to 'KL Fashion Week 2004'.

Sumber: Laman Web The Star Online (<http://www.thestar.com.my>)

Arca pula digunakan untuk beberapa tujuan tertentu. Antaranya ialah:

- Pengguna dapat bekerja dengan lebih bijak.
- Untuk mewakili visual atau konsep *spatial* seperti bentuk, warna, posisi, saiz dan corak.
- Untuk menjimat ruang pada muka skrin yang agak penuh.
- Mempercepatkan pencarian maklumat oleh pengguna.
- Pengguna dapat mengenalpasti arca dengan cepat hampir 100 % menurut kajian Braden dan Horton (Braden, 1996, p.498 and Horton, 1994, p.5)
- Untuk meningkatkan capaian global.

Penggunaan arca dalam laman web adalah suatu perkara yang biasa. Namun bagaimana cara ia direka untuk memenuhi kehendak pengguna ialah persoalan yang penting. Horton pernah menyatakan "*Obscure icons make computer look like the control panel of an alien spaceship. Gaudy, garish icons make them look like a piece of “refrigerator art”.*". (Horton, 1994, p. 15) Kenyataan Horton menunjukkan betapa sukarnya untuk menghasilkan arca yang sempurna dan yang tidak keterlaluan.

Laman web *The Star Online* menggunakan arca-arca serta butang. Namun, penggunaan arca dalam laman web ini agak tersusun dan mudah untuk dikenalpasti. Maklumat yang berbentuk grafik, gambar dan ilustrasi ialah bahan maklumat yang memberikan maklumat visual kepada pengguna. Maklumat berbentuk grafik jika disampaikan dengan berkesan mudah difahami oleh pembaca. Pada hari ini elemen grafik memainkan peranan yang penting dalam memberikan maklumat kepada pengguna, terutamanya dalam media penerbitan.

Maklumat serta informasi kini lebih mudah diperolehi berbanding masa dahulu atau sebelum kemunculan Internet. Selain daripada itu, pembaca juga mempunyai pelbagai pilihan dan tidak perlu hanya bergantung pada satu sumber informasi. Oleh kerana ini, para penerbit akhbar dalam talian perlu menggunakan elemen grafik yang menarik bagi menarik perhatian pembaca. Selain daripada itu, grafik data komputer pada zaman moden ini boleh menghasilkan kesan yang lebih berbanding data grafik yang berbentuk rajah

statistik atau yang tidak berwarna memandangkan kos penerbitan akhbar cetak yang berwarna lebih mahal..

*“If television newsroom run at breakneck speed, online journalism is running at the speed of light”* (Hallman, 1999). Inilah yang dikatakan oleh Monica Hallman dalam artikel beliau bertajuk *Online newspaper discover appeal of design*. Kenyataan beliau ini dengan jelas menggambarkan betapa cepatnya pemprosesan serta kerja yang harus dilakukan oleh seseorang yang ingin menerbitkan penerbitan dalam talian. Di sini kita dapat lihat bahawa penerbitan akhbar dalam talian juga bergerak dengan laju kerana salah satu sifatnya iaitu informasi yang terkini. Apabila penerbitan akhbar dalam talian bermula pada pertengahan tahun 1990-an, para editor memikirkan cukup setakat menukar kesemua informasi dalam media cetakan kepada media elektronik. Namun kini, para penerbit dalam talian melihat nilai imej grafik dalam penerbitan dalam talian ini. Kesemua syarikat penerbitan akhbar dalam talian baik yang kecil ataupun besar, memanipulasikan teknologi perekaan grafik komputer untuk menarik perhatian pembaca. Kebanyakan daripada syarikat penerbitan dalam talian ini menggunakan format yang sama.

Selain daripada menggunakan imej yang sesuai dan menarik untuk menarik perhatian pembaca, grafik berbentuk animasi turut digunakan. Dalam *The Star Online*, misalnya, terdapat grafik berbentuk butang yang digunakan untuk tujuan periklanan. Contohnya iklan *Time.dot.net*, *e-shop* dan *blooming.com.my*



*reliance travel.com*  
"CLICK  
HERE"



Sumber: Laman Web *The Star Online* (<http://www.thestar.com.my>), Tarikh: Februari 28, 2001

Salah satu daripada keistimewaan menggunakan grafik animasi ialah, dalam satu ruang tertentu, maklumat yang pelbagai maklumat dapat diterbitkan. Ini dengan mudah dapat menjimatkan ruang dalam halaman.

## 6. Warna

Seorang pereka harus ingat bahawa kebanyakan daripada warna dalam bahan cetak tidak serupa dengan komputer kerana pada bahan cetak faktor-faktor penentuan warna diambil kira melalui ketebalan kertas, tekstur, warna dan kerasapan.

Melalui kajian yang telah dijalankan oleh Shneiderman, penggunaan warna yang keterlaluan boleh mengelirukan pengguna dan persempahan halaman secara keseluruhannya. (Shneiderman, 1998, p.265). Menurut A. Marcus, "*Color can be a very powerful tool for communication if used correctly...use appropriate highlighting and de-emphasis techniques to convey meaningful semantic distinction*". Marcus, 1995, p.429). Kenyataan oleh Marcus dengan jelas menunjukkan betapa pentingnya kita menggunakan warna dengan penuh berhati-hati dalam menghasilkan sesuatu objek berwarna untuk pembaca.

Laman web *The Star Online* menggunakan warna pada bahagian-bahagian yang difikirkan penting untuk mendapatkan perhatian pembaca. Dalam laman web ini, warna digunakan untuk mencantikkan lagi halaman. Pada halaman pertama misalnya, antara

warna yang digunakan ialah warna hijau sebagai latar belakang iklan Canon, garisan yang berwarna biru tua. Di bawah ialah rajah halaman utama akhbar *The Star Online*.

Rajah 4.3: Penggunaan warna pada laman web *The Star Online*



Sumber: Laman Web *The Star Online* (<http://www.thestar.com.my>)

#### 4.2.3 Peleraian dan saiz skrin


Peleraian dan saiz skrin merupakan salah satu faktor dalam untuk menghasilkan sebuah laman web yang dapat menarik minat pembaca. Rekaletak laman web sangat bergantung pada peleraian skrin komputer. Seseorang perekam laman web harus memberikan perhatian yang tinggi dalam hal ini. Ini kerana peleraian skrin komputer berbeza mengikut pengguna yang berbeza. Ada pengguna yang suka menggunakan saiz skrin 640 X 480 dan ada pula yang menggunakan saiz skrin 1048 X 760. Peleraian komputer pula bergantung pada bit warna yang terdapat pada komputer seperti 16 bit, 32 bit dan

sebagainya. Ini bergantung pada cara serta gaya yang disukai oleh pembaca. Akhbar *The Star Online* dapat dilihat dengan baik dengan menggunakan saiz skrin 640 X 480 pixels.

Lynch dan Horton (Lynch, & Horton, 1997) telah menggariskan beberapa garis panduan yang boleh diikuti oleh seseorang pereka untuk mendapatkan saiz skrin dan peleraian yang baik bagi laman web mereka. Garis panduan ialah:

- Rekabentuk untuk saiz skrin yang standard
  - Saiz komputer *Macintosh* (ini adalah kerana saiz skrin komputer Mac adalah lebih kecil daripada Wintel) iaitu 595 X 29 pixels.
  - Saiz monitor 14 inci (640 X 480 kawasan pixel)
  - Warna 256
- Mulakan rekaan dengan warna hitam putih dan kemudian menggunakan warna dikehendaki.
- Masukkan tag *ALT* pada semua imej yang terdapat pada sesuatu dokumen. Ini akan memudahkan pembaca mengenalpasti imej yang dimasukkan dengan cara membaca label yang dimasukkan. Contoh tag dalam *The Star Online* ialah:

Rajah 4.4: Penggunaan elemen *tool tip* pada laman web *The Star Online*



Sumber: Laman Web *The Star Online* (<http://www.thestar.com.my>)

#### 4.2.4 Gaya penulisan

Pada tahun 1997, Morkes dan Nielson (1997) telah menjalankan tiga kajian yang mengkaji cara pengguna membaca elemen-elemen dalam sesebuah laman web. Hasil kajian mereka mendapatkan:

- Pembaca suka akan kenyataan yang berbentuk kesimpulan dan juga konsep piramid terbalik yang digunakan oleh para wartawan iaitu mengetengahkan berita utama dan menjurus ke arah berita yang kurang penting. Ini merupakan gaya penulisan yang turut terdapat dalam *The Star Online*. Contohnya keratan berita utama diletakkan pada bahagian depan halaman dan kemudian diikuti oleh berita-berita yang kurang penting.
- Pembaca suka sekiranya tajuk utama dipaparkan pada muka depan dan kemudian menggunakan tajuk ini untuk mencari bahan berita yang ingin dibaca. Dalam *The Star Online*, setiap berita mempunyai tajuk utama yang mempunyai garisan biru yang akan membawa pembaca pada berita sepenuhnya.
- Pembaca tidak suka akan kenyataan yang berbunga-bunga. Malah, mereka lebih suka kenyataan yang berbentuk terus dan mudah difahami. Dalam *The Star Online* berita yang diterbitkan adalah sama seperti akhbar cetak. Dalam hal ini, kenyataan dalam laman web ini sudah tentu berbentuk gaya penulisan seorang wartawan penerbitan cetak.

#### 4.3 Penggunaan elemen-elemen Multimedia

Kajian mengenai sesebuah laman web tidak lengkap sekiranya elemen-elemen multimedia tidak dibincangkan. Ini kerana aplikasi multimedia kini sedang meningkat terutamanya dalam proses penghasilan sesebuah laman web. Ini kerana, dalam menghasilkan sebuah laman web kita menggabungkan teks, bunyi, video dan imej dalam satu media komunikasi yang khusus. Dalam bahagian ini, saya akan membincangkan beberapa elemen multimedia yang digunakan dalam laman web *The Star Online*. Ia boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

1. Grafik dan imej
2. Animasi
3. Masa maklum balas

#### **4.3.1 Grafik dan Imej**

Grafik dan imej merupakan elemen yang sangat penting dalam menghasilkan sesebuah laman web. Levie dan Lentz (1982) telah menggariskan empat fungsi utama grafik iaitu untuk tujuan mendapatkan perhatian pembaca, menghasilkan kesan emosi dan untuk tujuan kognitif yang akan membantu pembaca untuk tujuan mengingat semula dan untuk membantu pembaca yang lemah dalam membaca teks maka grafik akan memberikan maklumat yang ingin disampaikan.

Dalam menghasilkan sesebuah imej atau grafik untuk laman web, jenis yang digunakan adalah terhad. Sehingga hari ini hanya terdapat tiga jenis fail yang boleh digunakan iaitu JPEG, GIF dan PNG.

Perkataan GIF ialah akronim bagi *Graphics Interchange Format*. Satu keistimewaan pada jenis fail ini ialah, ia dapat digunakan hampir untuk kesemua *web browsers* yang terdapat dalam penggunaan Internet, boleh menghasilkan imej berbentuk *transparency*, penglihatan peleraian rendah, dan boleh membuat pemetaan, iaitu menghasilkan gambar dalam bentuk peta dan pengguna boleh membuat pilihan *link* pada bahagian imej itu sendiri.

JPEG pula ialah akronim bagi *Joint Photographic Experts Group*. Imej berbentuk JPEG mempunyai keupayaan menterjemahkan sesuatu imej dan juga dapat menggunakan variasi-variasi warna yang lain. JPEG dan GIF merupakan dua bentuk fail grafik yang dapat digunakan dalam Internet dan mempunyai saiz fail yang paling kecil untuk masa pindah turun yang lebih laju.

Dalam membuat pemilihan antara GIF dan JPEG, kriteria yang perlu diambil kira ialah sekiranya imej grafik yang dihasilkan menggunakan garisan serta warna imej leper tanpa gradien. Imej fail JPEG pula sesuai digunakan bagi penggunaan imej yang mempunyai warna kecerunan serta fotografi dan juga untuk grafik berbentuk warna logam.

Penggunaan imej dalam akhbar dalam talian adalah sangat penting. Selain daripada itu, iklan merupakan satu unsur penting dalam mengekalkan pengurusan sesebuah syarikat akhbar dalam talian. Dalam Internet, terdapat dua jenis iklan yang biasa digunakan iaitu jenis *banner* dan jenis arca. Penggunaan iklan jenis ini bukan sahaja berwarna-warni, malah ada yang berbentuk animasi. Dalam laman *The Star Online* pula pengguna dapat membeli bunga dari [blooming.com.my](http://blooming.com.my), capaian Internet dengan [Time.net.my](http://Time.net.my) dan pelbagai promosi lain. Kesemua ini dapat dilakukan hanya dengan menekan tetikus pada grafik imej yang mempunyai sambungan kesemua laman web ini.

Menurut *The Associated Press*, salah satu daripada agensi berita antarabangsa telah mengeluarkan satu laporan yang mengatakan bahawa Syarikat Madison Avenue membelanjakan lebih kurang satu billion ringgit pada tahun 1998 untuk periklanan dalam media dalam talian. “*If a page is not worth a cent,*” Nielsen told *free!*, “*then you should not download it in the first place.*” (Kawamoto, 1998)

#### 4.3.2 Animasi

Penggunaan komputer untuk tujuan komunikasi kini telah meningkatkan keupayaan seseorang individu untuk menghasilkan imej serta visual dalam bentuk animasi yang secara terus dapat digunakan untuk tujuan menarik minat pembaca dan juga suatu cara untuk menunjukkan unsur keutamaan. Menurut Nielson (1995), animasi harus:

- Menunjukkan transformasi berterusan
- Menunjukkan pergerakan
- Menunjukkan perubahan sesuatu elemen mengikut sesuatu masa
- Meningkatkan lagi kesan grafik untuk pemahaman pembaca

Dalam laman web *The Star Online*, animasi digunakan untuk tujuan periklanan. Ini adalah kerana, walaupun animasi grafik membawa banyak kebaikan dari segi pemberian maklumat, penggunaannya secara berlebihan akan mengelirukan pembacaan dan secara tidak langsung menjadikan sesebuah laman web itu kelihatan tidak kemas. Contoh penggunaan animasi ialah pada iklan Canon.

#### 4.3.3 Masa tindakbalas

Laman web yang direka seharusnya dapat dilihat oleh pengguna dengan cepat. Satu masalah yang sering dihadapi oleh pengguna hari ini ialah masa yang diambil untuk *pindah turun* sesebuah laman web adalah lama. Ini juga banyak bergantung pada perekaan sesebuah laman web. Sebuah laman web yang mempunyai banyak gambar serta imej dan sekiranya saiz failnya adalah besar, maka masa untuk pindah turun sebuah laman web adalah lama.

Selain daripada itu penggunaan animasi dalam laman web turut akan mengambil masa untuk pindah turun. Ini adalah kerana saiz fail untuk sesebuah animasi adalah besar, maka ini akan memperlambangkan masa untuk sesebuah laman web itu untuk dilihat oleh pengguna. Sebagai contoh ialah laman web Microsoft dan mol.com. Kedua-dua laman web ini mempunyai masa pindah turun yang lama.

Laman web *The Star Online* mempunyai masa pindah turun yang laju. Pembaca tidak perlu menunggu lama untuk melihat halaman akhbar dalam talian ini. Ini adalah kerana, warna putih sebagai latar belakang membantu dalam mempercepatkan proses pindah turun ini. Selain daripada itu, jumlah imej atau grafik yang digunakan adalah terhad. Ia hanya digunakan bagi tujuan periklanan dan juga bagi berita-berita utama dan yang dianggap dapat menarik minat pembaca.

#### 4.4 Garis panduan oleh Roger Black

Dalam satu kajian yang telah dihasilkan oleh Jerold Council, Direktor grafik The Baltimore Sun telah menggariskan beberapa elemen penting dalam perekaan laman web.

Beliau menggunakan kaedah perekaan Black dan Elder (1997), penulis *Web Sites That Work*. Sepuluh prinsip yang digariskan oleh beliau adalah seperti berikut:

1. Dalam setiap halaman harus mengandungi kandungan. Ini menunjukkan bahawa setiap halaman dalam sesuatu laman web harus mengandungi informasi atau elemen hiburan.
2. Warna pertama ialah putih dan warna putih sangat sesuai sebagai warna latar belakang.
3. Warna kedua ialah warna hitam. Warna hitam mempunyai kontras yang paling tinggi terhadap warna putih. Maka warna hitam ialah warna taip huruf yang pertama jika latar belakangnya ialah warna putih.
4. Warna ketiga ialah warna merah. Warna merah dianggap sebagai warna berbahaya dan sangat sesuai untuk memberikan tekanan kepada sesuatu unsur.
5. Jangan masukkan ruang kosong yang lebih di antara huruf kecil.
6. Jangan gunakan teks berhuruf besar terlalu kerap. Ia akan menyebabkan dokumen lebih sukar untuk membaca.
7. Dalam menghasilkan sebuah majalah dalam talian, gambar pada muka hadapan haruslah sebuah imej manusia kerana ia lebih banyak dijual.
8. Gunakan dua muka taip sahaja.
9. Semua elemen haruslah besar mungkin.
10. Unsur kejutan harus dimasukkan.

#### **4.5 Prinsip perekaan menurut Grantastic Design**

Dalam menghasilkan sebuah laman web, terdapat beberapa peraturan yang dapat diikuti oleh perekabentuk. Seperti juga prinsip-prinsip perekaan cetak, perekaan laman web juga mempunyai beberapa prinsip. Grantastic Design, sebuah syarikat perekaan laman web dari Amerika Syarikat (<http://www.grantasticdesigns.com/5rules.html>) telah menggariskan lima prinsip utama dalam perekaan laman web.

#### 4.5.1 Laman web seharusnya mudah untuk dibaca

Ini adalah satu peraturan yang sangat penting. Ini bermaksud, pemilihan teks dan warna latar belakang harus dilakukan dengan cermat. Selalunya teks gelap, lebih mudah untuk dibaca dengan latarbelakang yang cerah berbanding teks yang cerah dengan latar belakang yang gelap.

Saiz muka taip turut memainkan peranan yang penting. Muka taip tidak seharusnya terlalu kecil atau terlalu besar. Ini akan menyukarkan pembaca untuk membaca. Dari segi penjajaran pula adalah lebih mudah sekiranya teks adalah justifikasi kiri berbanding teks yang disusun di bahagian tengah laman web.

Beza jelas warna yang paling tinggi ialah dengan menggunakan dua warna iaitu hitam dan putih. Satu lagi kombinasi warna yang sesuai ialah kuning cerah dan biru pekat. Di bawah ialah contoh kontra warna yang sesuai untuk sesebuah laman web.

Rajah 4.5: Warna teks dan latarbelakang yang sesuai



Laman web *The Star Online* misalnya menggunakan warna putih dan teksnya warna hitam. Konsep ini sangat berleluasa dan kebanyakan laman web korporat menggunakan warna hitam sebagai teks dan warna putih sebagai latarbelakangnya. Contohnya <http://www.apiit.edu.my>, <http://www.utusan.com.my>.

Laman web yang menggunakan imej menyebabkannya lebih sukar untuk dibaca. Selain daripada itu, unsur *leading* iaitu jarak antara baris pertama dan baris kedua haruslah seimbang dan jarak yang sesuai dengan saiz huruf kerana ini akan memberi kesan kepada pembacaan.

Muka taip yang paling sesuai digunakan dalam laman web ialah:

- |          |   |
|----------|---|
| serif    | - Taip huruf yang sering digunakan ialah Times New Roman    |
| sanserif | - Taip huruf yang sering digunakan ialah Arial or Helvetica |

Contoh :

### **Ini ialah saiz taip huruf 16 pt Arial Black**

Sekiranya tulisan kursif digunakan, ia hanya sesuai digunakan untuk perekaan logo dan taip saiz yang lebih besar. Kadang-kala tulisan san-serif adalah lebih mudah untuk dibaca berbanding tulisan serif jika saiz muka taipnya adalah kecil.

#### **4.5.2 Laman Web seharusnya mudah untuk dilayari**

Dalam sesebuah laman web, terdapat banyak sambungan ke halaman lain atau laman web lain. Sebuah laman web yang sempurna harus mempunyai sambungan yang mudah untuk dilihat oleh pengguna. Imej grafik seperti butang dan *tabs* haruslah dilabelkan dengan jelas. Ini banyak bergantung pada warna , latarbelakang, tekstur dan kesan-kesan animasi.

Pada kebiasaan, teks yang berwarna biru menandakan sambungan atau sambungan yang belum dikunjungi. Warna ungu digunakan untuk laman yang telah dikunjungi. Sekiranya warna lain yang digunakan, pereka harus menggunakan elemen tulisan seperti *bold*, muka taip yang lebih besar dan sebagainya. Pengguna seharusnya mendapatkan informasi yang diinginkan dalam jangka masa tiga kali tekanan pada sambungan.

#### **4.5.3 Laman web seharusnya mudah dijumpai.**

Pada hari ini, bilangan laman web semakin bertambah dan banyak syarikat menggunakan laman web sebagai strategi pemasaran mereka. Mengikut ‘grantastic design’ kebanyakan syarikat berpendapat “*If I build a website, they will come,*” (<http://www.grantasticdesigns.com/5rules.html>). Laman web kini dipromosikan melalui *search engine* atau enjin pencarian seperti [www.yahoo.com](http://www.yahoo.com), [www.msn.com](http://www.msn.com), [www.catch.com](http://www.catch.com). Sebuah enjin pencarian menyediakan perkhidmatan seperti direktori, mempromosikan laman web dengan memberikan anugerah, periklanan *banner*, majalah elektronik (*e-zines*) dan sambungan ke laman web lain.

Laman web juga dapat dipromosikan melalui media tradisional seperti akhbar, kenderaan pengangkutan, radio, dan televisyen. Contohnya, apabila Maxis melancarkan Maxis Net, media konvensional seperti bus, radio dan televisyen digunakan sebagai medium promosi. Selain daripada itu, laman web juga harus mempunyai alamat serta informasi relevan untuk berhubung dengan syarikat.

Informasi ini akan membantu syarikat kerana jika terdapat sebarang masalah atau kesulitan dalam melayari laman web syarikat berkenaan, maka pengguna dapat menghubungi pihak syarikat dan memberitahu mengenai masalah yang dihadapi dalam laman web mereka.

Sebagai contoh ialah satu kes yang berlaku di negara kita pada 2 Mac 2001. Laman web Jabatan Pengangkutan Jalan telah di ceroboh oleh seseorang yang dikenali sebagai senn-x. Pihak JPJ hanya mengetahui perkara ini apabila diberitahu oleh pengguna yang melayari laman web mereka. (sumber: NST 3<sup>rd</sup> Mac 2001)

#### **4.5.4 Rekaletak dan rekabentuk yang konsisten.**

Sebuah laman web seharusnya mempunyai rekabentuk serta rekaletak yang konsisten. Dalam menghasilkan sesebuah penerbitan elektronik, prinsip yang sama digunakan. Konsistensi adalah salah satu daripada prinsip rekabentuk. Prinsip ini akan dibincangkan dengan lebih jelas dalam bahagian prinsip-prinsip perekaan nanti.

Dalam perekaan laman web ini misalnya, warna teks yang mempunyai sambungan harus mempunyai warna yang sama atau *standard*. Selain itu, latarbelakang serta muka taip haruslah sama dalam kesemua halamannya.

#### 4.6 Kajian rekabentuk muka depan *The Star Online*

Muka depan *The Star Online* telah berubah sejak penerbitan kali pertama. Pada awal penerbitan mereka, perekaan yang dihasilkan adalah mudah. Ini kerana pada permulaan penerbitan nya, mereka tidak mempunyai banyak informasi seperti hari ini. Pertambahan dalam informasi ini sudah tentu akan menambahkan lagi bilangan *hyperlink*. Bagi akhbar *The Star Online*, kebanyakannya *hyperlink* mereka adalah dengan menggunakan teks. Teks yang digunakan untuk *hyperlink* ialah jenis muka taip Arial yang digunakan untuk kategori-kategori utama.

[News](#) | [Business](#) | [Sports](#) | [Entertainment](#) | [Lifestyle](#) | [Technology](#) | [Education](#) | [Archives](#) | [Site Map](#) | [What's New](#)

Kategori utama *The Star Online*

Muka taip yang digunakan ialah Arial Bold, teks warna putih saiz taip hurufnya ialah 10 poin. Kesemua *hyperlink* yang terdapat dalam laman web *The Star Online* ini digariskan. Ini kerana pengguna secara automatik akan mengenali sesebuah *hyperlink* kerana mengikut prinsip perekaan laman web, sesebuah *hyperlink* yang menggunakan teks selalunya digariskan.

Pada bahagian atas sebelah kiri laman web, terdapat logo *The Star Online*. Logo ini terdapat pada kesemua muka surat laman web mereka dan ia mempunyai sambungan ke muka depan akhbar ini. Ini menunjukkan bahawa laman web ini turut mengandungi navigasi yang menggunakan imej grafik yang statik.



Sejak pelancaran akhbar *The Star Online*, ini merupakan logo pertama yang dihasilkan khas untuk akhbar dalam talian mereka. Sebelum ini, akhbar *The Star Online* cuma menggunakan logo akhbar cetak mereka.



Dalam perekaan logo ini, pihak *The Star Online* telah menggunakan tiga warna utama iaitu warna biru, merah dan hijau. Perkataan star berwarna merah kerana warna merah ialah warna korporat *The Star Publication*.

Bersebelahan logo korporat *The Star Online*, terdapat satu *banner* iklan. Saiznya ialah 0.63 x 1.96 inci. Selepas barisan kategori utama akhbar *The Star Online*, terdapat satu lagi rangkaian iklan.



Contoh iklan ini ialah daripada syarikat Canon

Selepas iklan Canon ini, diikuti pula oleh *hyperlink* yang lain seperti berikut:

Services: [Classifieds](#) · [Directory](#) · [e-Cards](#) · [Motoring](#) · [Property](#)   New: [Purple Sofa](#) · [Comics](#) · [Horoscope](#) · [EarthWeek](#)  
Member: [Sign up](#) · [Tour](#) · [Archives](#) · [Chat](#) · [Clubs](#) · [Forum](#) · [WebMail](#) · [Games](#) · [Contests](#) · [Edit Profile](#) · [Change Password](#) · [FAQ](#)

Untuk bahagian ini, jenis *link* yang digunakan berbentuk teks. Muka taip yang digunakan ialah jenis Times Roman, normal saiz 10 poin.

Dalam penerbitan akhbar, biasanya terdapat perbezaan dari segi saiz huruf tajuk utama dan teks berita. Dalam *The Star Online*, jenis muka taip yang digunakan untuk tajuk utama turut berbeza dengan teks berita. Tajuk utama menggunakan jenis mukataip Arial dan saiz hurufnya pula ialah 13.5 poin. Teks beritanya pula menggunakan muka taip Times Roman dengan saiz huruf 12 poin.

Secara kesimpulannya, prinsip-prinsip rekabentuk yang terdapat kini banyak membantu para pereka untuk menghasilkan laman web yang lebih menarik minat pembaca dan bukan sekadar mempunyai sebuah www. Kajian prinsip-prinsip rekabentuk terhadap laman web akhbar dalam talian *The Star Online* menunjukkan bahawa kebanyakan daripada garis panduan ini diikuti oleh mereka. Pada hemat saya ini merupakan satu faktor yang menyebabkan laman web ini sebagai sebuah laman web yang bertaraf antarabangsa dan mendapat perhatian serta anugerah daripada pelbagai pihak.

Hasil kajian elemen perekaan laman web ini juga menunjukkan bahawa mereka lebih mementingkan pengguna daripada teknologi. Contohnya pada hari ini, terdapat pelbagai perisian yang boleh menghasilkan pelbagai animasi seperti Macromedia Flash dan Director. Laman web yang menggunakan animasi seperti ini mempunyai masa tindakbalas yang lama dan pembaca terpaksa menunggu untuk membaca halaman halaman. Dalam laman web *The Star Online* pula, mereka menggunakan kaedah perekaan serta rekaletak yang paling mudah untuk pengguna.